



Acer terajui ESG dalam ICT

Oleh Mohd Zaky Zanuddin - Disember 21, 2022 @ 2:01pm
zaky@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Acer menerajui pelaksanaan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang tidak hanya tertumpu kepada pengenalan produk lestari, malah turut memberi tumpuan kepada aspek proses pengeluaran.

Syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terkemuka dunia menyatakan komitmen dalam kepercayaan teras dalam mencipta nilai, mengimbangi kepentingan dan membangun dengan lebih mampan.

Dalam memacu amalan ESG, syarikat ICT berpangkalan di Taiwan itu telah menetapkan strategi untuk tempoh jangka sederhana dan panjang bagi memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting.

Aspek yang berkaitan termasuk mewujudkan model pembangunan mampan dengan memanfaatkan pengaruh Acer untuk membantu kemajuan keseluruhan industri ke arah manfaat alam sekitar, sosial dan ekonomi yang lebih, besar.

Selain itu, Acer turut memberi tumpuan dalam menerajui inovasi dalam produk dan perkhidmatan dengan menggabungkan teknologi rendah karbon serta lestari untuk membangunkan ekonomi hijau baharu.

Syarikat itu juga telah memperkemas tadbir urus korporat yang bertanggungjawab dengan mengukuhkan pengurusan prestasi bukan kewangan dan risiko serta peluang kemampuan.

Segala usaha yang diterapkan Acer itu dilaksanakan berdasarkan beberapa situasi semasa membabitkan perubahan iklim yang telah dialami dunia.

Paling jelas adalah kemerosotan jumlah hutan hujan dunia pada kadar 10 padang bola sepak seminit pada tahun lalu disebabkan pelepasan karbon dioksida sekitar 2.5 bilion tan ke atmosfera.

Keadaan itu amat mengejutkan itu mencetus kebimbangan kerana hutan adalah penapis udara semula jadi dan membantu menyejukkan suhu dunia di mana kita berada di persimpangan kritikal membabitkan isu pemanasan global.

Menurut Acer, kelestarian adalah usaha bersama di mana setiap tindakan perlu dilakukan secara kolaboratif dalam mewujudkan impak positif dengan berkesan.

Justeru, Acer telah mengambil pendekatan terbaik bersama pembekal yang juga rakan kongsi dalam menawarkan pengguna kepada produk serta perkhidmatan terbaik.

Satu inisiatif utama dilaksanakan syarikat itu adalah platform Earthion di mana Acer, rakan kongsi dan pembekal bersatu untuk menggabungkan aspek kelestarian dalam rangkaian bekalan.

Earthion berasal daripada perkataan 'Earth + Mission' dan ia telah menggabungkan kekuatan antara Acer, rakan kongsi rangkaian bekalannya, pengguna dan pekerja.

Platform Earthion membolehkan Acer menyediakan inovasi teknologi hijau yang memenuhi perubahan gaya hidup dunia.

Acer mencipta aplikasi dan produk bersepadu yang difikirkan dengan baik yang menghimpunkan perkakasan, perisian dan perkhidmatan untuk memudahkan penggunaan, penyelenggaraan serta proses naik taraf masa hadapan.

Produk contoh menerusi platform Earthion ialah siri Vero, yang menjadi galakan syarikat dan individu untuk menangani cabaran alam sekitar bersama-sama.

Nama Vero hanya diberikan kepada produk yang merangkumi keseluruhan nilai proses, bermula daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk, bahan, penggunaan, kemudahan penyelenggaraan hingga ke pembungkusan, logistik dan pemasaran.

Siri Vero mengintegrasikan plastik kitar semula, sisa plastik dan bahan pembungkusan yang boleh dikitar semula ke dalam reka bentuknya.

Malah, pembungkusannya juga boleh digunakan semula.

Lebih penting lagi, siri Vero ialah peranti mampu milik dengan jangka hayat berguna yang dilanjutkan berkat kebolehtingkatan, ketahanan dan kebolehgunaannya, sekaligus menjadikannya pilihan yang lestari untuk komuniti perniagaan dan pengguna individu.

Untuk rekod, komitmen Acer ke arah kelestarian sudah bermula seawal 2008 dan berkembang secara progresif saban tahun.

Pada 2017, Project Humanity telah diperkenalkan sebagai inisiatif global untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik, bermula dengan kakitangan Acer sendiri.

Projek ini memberi peluang kepada kakitangan Acer untuk menyumbang kepada keputusan syarikat dengan kepercayaan bahawa sumbangan kolektif 7,700 pekerjanya menambah serta mencipta impak yang ketara.

Selain itu, Acer menyertai inisiatif RE100 pada 2021 dan mengumumkan ikrarnya untuk mencapai 100 peratus penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE) menjelang 2035.

Sehingga 2021, sejumlah 45 peratus daripada penggunaan tenaga Acer adalah menerusi RE.

Syarikat itu berusaha untuk mencapai sasaran 60 peratus penggunaan RE dan 45 peratus pengurangan purata penggunaan tenaga komputer peribadi menjelang 2025.

Usahnya terhadap pengurusan produk dan perlindungan alam sekitar telah menghasilkan peranti yang menjadi contoh konsep ekonomi sirkular.

Strategi kitar semula rendah karbon telah menentukan setiap aspek rantai nilai Acer daripada reka bentuk produk dan pembungkusan hinggalah penggunaan bahan kepada rantai bekalan yang bertanggungjawab.

Usaha Acer adalah untuk memberi kesan positif kepada ekonomi, alam sekitar dan masyarakat di mana kemampanan ialah usaha global yang hanya akan berjaya jika semua mengambil bahagian.

Sebagai penyokong kelestarian, Acer menerajui dalam membantu perniagaan yang ingin membaiki atau mengitar semula peranti lama mereka dengan menyediakan perkhidmatan tukar beli.

Program tukar beli ini bertujuan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perniagaan menjadi lebih mampan melalui pendekatan Circular PC dengan membantu mengitar semula peranti terpakai dengan betul bagi mengurangkan sisa atau pelupusan e-sisa yang tidak betul.